



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEUPAYAAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA
LUMPUR SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
SETEMPAT DARI PANDANGAN PEGAWAI
DAN AHLI JAWATANKUASA**

YAAKOB BIN ABDUL RAHIM

FPP L 1996 15

**KEUPAYAAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA
LUMPUR SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
SETEMPAT DARI PANDANGAN PEGAWAI
DAN AHLI JAWATANKUASA**

YAAKOB BIN ABDUL RAHIM

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1996



**KEUPAYAAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR
SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA SETEMPAT DARI
PANDANGAN PEGAWAI DAN AHLI JAWATANKUASA**

Oleh

YAAKOB BIN ABDUL RAHIM


Projek Penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Sarjana Sains di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia

Disember 1996



Kertas Projek bertajuk " Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa" oleh Encik Yaakob bin Abdul Rahim bagi memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia.

Disahkan Oleh:



(HJ. AZIMI BIN HAMZAH, Ed. D)
Profesor Madya/ Ketua
Unit Pengajian Pembangunan Belia
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia.
(Penyelia)

Tarikh: 13-11-96



(HJ. TURIMAN BIN SUANDI, Ph.D)
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia
(Pemeriksa)

Tarikh: 13/11/96

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Pengasihani. Saya bersyukur ke hadrat-Nya kerana dengan limpah kurnia dan kudrat-Nya jua, akhirnya saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Dengan rasa rendah diri dan kesyukuran kepada Allah S.W.T, di sini saya mengambil kesempatan merakamkan penghargaan ikhlas dan terhutang budi kepada penyelia saya yang pertama Dr. Hajjah Mazanah binti Muhamad (sehingga 1hb Oktober, 1995 kerana cuti sebatikal) yang telah menunjukajar dan membimbing saya pada peringkat awal pengajian, begitu juga kepada penyelia saya sekarang Prof. Madya Dr. Hj. Azimi bin Hj. Hamzah kerana telah memberikan nasihat, bimbingan, panduan dan kritikan yang membina. Kesudian beliau melapangkan masa untuk membimbing saya dan tidak jemu-jemu memberi teguran dalam usaha menyempurnakan projek ini amatlah saya sanjung tinggi, malahan beliau telah memberikan satu pendedahan pembelajaran yang amat bernilai kepada diri saya yang sukar dilupakan. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Dr. Hj. Turiman bin Suandi kerana telah memeriksa, membuat pembetulan serta komen yang sungguh membina bagi kesempurnaan projek ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya huluskan kepada Pengarah PPPL yang lama iaitu Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir bin Ismail (sehingga 1hb. Julai, 1995) dan Pengarah PPPL sekarang Prof. Madya Dr. Abu Daud bin Silong, para pensyarah kursus yang pernah saya ikuti serta semua kakitangan PPPL yang telah memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan kerjasama sepanjang pengajian saya. Penghargaan khusus juga saya huluskan kepada Puan Norizan binti Abu Bakar Pembantu Khas kepada Prof. Madya Dr. Haji Azimi bin Hamzah yang telah banyak membantu saya menyiapkan projek ini. Begitu juga kepada Dekan, pegawai dan kakitangan Pusat Pengajian Siswazah, tidak lupa saya mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih di atas segala bentuk bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Di samping itu, saya juga tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Haji Wan Mahmud bin Wan Yaakob, Pengarah, Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (JAWI), serta pegawai dan kakitangannya yang telah memberikan kebenaran dan kerjasama yang amat berharga ketika saya menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada seluruh Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kerana memberikan kerjasama mereka dalam menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga saya huluskan kepada Bahagian Latihan dan **Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia serta Unit Latihan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur** kerana telah menawarkan

hadiah biasiswa dan cuti belajar selama dua tahun untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana.

Penghargaan ikhlas juga tujukan kepada semua rakan seperjuangan yang sudi meluahkan pengalaman, idea, sokongan dan pandangan semasa tempoh pembelajaran saya di U.P.M ini, khususnya kepada saudara Mohd. Rus bin Hj. Yunus, Pegawai Penerbitan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri kerana sudi membuat penyemakan terakhir Kertas Projek saya ini. Akhir sekali, Doa istimewa untuk arwah bapa yang disayangi Hj. Abdul Rahim bin Deraman, jasa dan pengorbananmu tetap dikenang, penghargaan yang paling istimewa juga saya tujukan kepada ibu saya Puan Hajjah Biah bin Awang Hamat, isteri Puan Noraza binti Hj. Mohd. Rosly serta anak-anak yang disayangi Muhammad Hafiz Zarfah dan Muhammad Irfan Haziq serta seluruh keluarga yang telah banyak memberikan inspirasi serta galakan untuk saya menamatkan pengajian ini dengan sempurna dan berjaya.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii

BAB

I PENDAHULUAN

Konteks Permasalahan Kajian	1
Senario Peranan Masjid Di Malaysia	3
Masjid Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Sebagai Lokasi Kajian	6
Belia dan Masjid	8
Program Pendidikan	11
Program Ekonomi	11
Program Riadhah	11
Program Mencintai Alam	12
Program Kebajikan dan Sosial	12
Kenyataan Masalah	13
Objektif Kajian	14
Kepentingan Kajian	15
Skop Kajian	17
Difinisi Istilah	18



II. TINJAUAN BAHAN-BAHAN BERTULIS

Keupayaan Organisasi	20
Organisasi dan Masjid	25
Masjid Sebagai Institusi Masyarakat	29
Masjid Sebagai Pusat Ibadah	30
Masjid Sebagai Pusat Pendidikan	31
Masjid Sebagai Pusat Pentadbiran dan Politik	31
Masjid Sebagai Pusat Kebajikan dan Sosial	31
Masjid Sebagai Pusat Ekonomi	32
Struktur Pentadbiran Organisasi Masjid	33
Struktur Pengimarahannya Organisasi Masjid	35
Pusat Pembangunan	37
Pembangunan Setempat	40
Golongan Belia	42
Pembangunan Belia	46
Kajian-Kajian Terdahulu Yang Berkaitan Dengan Peranan Masjid	53
Rumusan	55

III. METODOLOGI KAJIAN

Populasi Kajian	57
Peralatan Kajian	58
Pra-Uji	60
Strategi Pengumpulan Data	60
Angkubah Kajian	61
Pembolehkan Tumpuan	61
Pembolehkan Demografi	64
Pandangan Responden Terhadap Keupayaan Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Belia	65
Penganalisan Data	72

IV. HASIL KAJIAN

Maklumat Demografi Responden	75
------------------------------	----

Taburan Skor Pandangan Responden Tentang Keupayaan Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Belia.....	81
Perkaitan Di antara Pembolehubah Demografi Dengan Pembolehubah Tumpuan.....	88
Penentuan Perbezaan Pandangan Antara Pegawai Dan Ahli Jawatankuasa Masjid Berhubung Dengan Penglibatan Responden Dan Item-Item Dalam Pembolehubah Tumpuan.....	92
 V. RINGKASAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
Ringkasan Kajian.....	93
Kesimpulan.....	99
Perbincangan.....	101
Penutup.....	109
Implikasi dan Cadangan.....	110
BIBLIOGRAFI.....	114
 LAMPIRAN	
Lampiran A: Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian	121
Lampiran B: Surat Kebenaran JAWI Menjalankan Kajian	123
Lampiran C: Soalselidik Kajian.....	125
Lampiran D: Jadual Taburan Pandangan Responden Terhadap Keupayaan Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Belia.....	136

Muka surat

Lampiran E: Jadual Penentuan Perbezaan Pandangan Di antara Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid Berhubung Dengan Penglibatan Responden dan Item-Item Dalam Pembolehkan Tumpuan.....	143
Lampiran G: Biodata Pengkaji.....	149



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1. Jadual Matrik Aktiviti-Aktiviti Masjid Di Malaysia.....	5
2. Pecahan Bahagian Borang Soalselidik.....	59
3. Taburan Responden Mengikut Umur, Taraf Perkahwinan dan Keturunan.....	75
4. Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik dan Agama, Jawatan Berhubung Dengan Masjid dan Tempoh Berkhidmat.....	77
5. Taburan Responden Mengikut Kerja Utama, Keterlibatan Dalam Jawatankuasa Luar, Keanggotaan Dalam Badan Profesional dan Kursus Yang Pernah Dihadiri.....	78
6. Taburan Penglibatan Responden Terhadap Aktiviti-Aktiviti Masjid.....	80
7. Taburan Skor Pandangan Responden Terhadap Keupayaan Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat.....	83
8. Perkaitan Antara Pembolehubah Demografi Terpilih Dengan Pelaksanaan Program Belia di Masjid.....	88
9. Perkaitan Antara Pembolehubah Demografi Terpilih Dengan Keupayaan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid Mengendalikan Program Untuk Membangunkan Belia.....	89
10. Perkaitan Antara Pembolehubah Demografi Terpilih Dengan Keupayaan Masjid Dari Segi Kemudahan	

	Muka surat
Fizikal Untuk membangunkan belia.....	90
11. Perkaitan Antara Pembolehubah Demografi Dengan Halangan-Halangan Yang Boleh Membantutkan Program Belia.....	91
12. Perkaitan Antara Pembolehubah Demografi Terpilih Dengan Perkara-Perkara Yang Boleh Meningkatkan Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Belia.....	91

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Model Pembinaan Institusi Secara Umum.....	21
2. Model Struktur dan Proses Pembangunan Organisasi Di Bawah Sistem Terbuka.....	28
3. Model Institusi Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat.....	56
4. Angkubah Kajian.....	66



Abstrak Projek Penyelidikan ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains, Universiti Pertanian Malaysia.

**KEUPAYAAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR
SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA SETEMPAT DARI
PANDANGAN PEGAWAI DAN AHLI JAWATANKUASA**

Oleh

YAAKOB BIN ABDUL RAHIM

NOVEMBER 1996

Penyelia : Prof. Madya Dr. Haji Azimi bin Haji Hamzah

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Belia sering dikaitkan dengan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Masalah tersebut adalah gejala-gejala seperti juvana, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah, tidak minat untuk belajar, budaya lepak dan bohsia. Walau bagaimanapun, sebenarnya belia bukan tanpa keupayaan, keyakinan, intelek dan potensi-potensi lain yang positif, tetapi mereka hanya kurang bimbingan. Antara agensi utama boleh berperanan dalam pembangunan belia secara mendalam ialah masjid. Masjid, sebagai

institusi NGO's mempunyai potensi yang amat besar untuk berperanan membimbing golongan belia.

Melihat keadaan tersebut, objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui keupayaan masjid sebagai pusat pembangunan belia setempat dari pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa. Responden kajian ialah seramai 151 orang dan terdiri daripada Pegawai Masjid (Imam, Bilal dan Noja) dan Ahli Jawatankuasa (Pengerusi dan Setiausaha) Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Hasil kajian menunjukkan masjid di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur mempunyai potensi dan berkeupayaan menjadi pusat pembangunan belia setempat. Keupayaan tersebut adalah dari segi kesesuaian pelaksanaan program untuk belia di masjid seperti ibadah, ekonomi dan sosial; keupayaan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa mengendalikan program belia melalui masjid; keupayaan masjid dari segi kemudahan fizikal untuk membangunkan belia; keupayaan menghadapi halangan-halangan yang boleh membantutkan program belia di masjid seperti kekurangan sumber tenaga manusia, kewangan dan kepimpinan; dan perkara-perkara lain yang boleh meningkatkan peranan masjid sebagai pusat pembangunan belia.

Hasil kajian juga mendapati terdapat perkaitan yang signifikan di antara pembolehubah demografi terpilih dengan pembolehubah tumpuan. Perkaitan tersebut

ialah di antara tempoh berkhidmat di masjid dengan pelaksanaan program belia di masjid, di antara kelulusan akademik, tempoh berkhidmat di masjid dan penglibatan dalam jawatankuasa luar dengan keupayaan masjid dari segi kemudahan fizikal.

Berdasarkan kepada penemuan-penemuan kajian tersebut, maka beberapa cadangan telah dibuat. Cadangan-cadangan itu termasuklah meneruskan kajian di peringkat negara terhadap masjid sebagai pusat pembangunan belia; meningkatkan tahap latihan di kalangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid; dan memperlengkapkan kemudahan infrastruktur masjid agar sesuai menjadi pusat pembangunan belia setempat.

Abstract of Research Project in partial fulfillment of the requirements for the degree of
Master of Science at Universiti Pertanian Malaysia.

**THE CAPABILITY OF FEDERAL TERRITORY
MOSQUES AS A ONE STOP CENTRE FOR YOUTH DEVELOPMENT**

BY

YAAKOB BIN ABDUL RAHIM

NOVEMBER 1996

Supervisor : Prof. Madya Dr. Haji Azimi bin Haji Hamzah

Faculty : Center for Extension and Continuing Education

Youth are usually being associated with social problems in a community. These youth related problems include delinquency, loafing, drug addition, alcoholism and sexuality (bohsia). However, youth are actually not without capability, confidence, intellectuality and potentials, but they are basically without guidance. Various agencies were established to assist youth but yet the success is far from



satisfactory. Mosques, as one of the NGO's can play a very important role in developing the youth.

Based on the above setting, the main objective of this study was formulated to determine the role of the mosques as youth development centres. The sample of this study was comprised of 151 respondents. They were the *Imams, Bilals, Nojas*, chairmen and secretaries of all the mosques in the Federal Territory of Kuala Lumpur.

The results of the study show that the officials of the perceived that the mosques in the Federal Territory of Kuala Lumpur were capable to play the role of the centre for youth development. Specifically the mosques were perceived as having the capability of organising religious, economic and social programmes for the youth. The mosques were also perceived to have the capability of conducting youth development programmes; in providing physical facilities; in overcoming the constraints in conducting youth development programmes; in contributing to the other aspects of becoming the centre for youth development

The findings of the study show that there were significant relationship between the selected demographic variables and the focus variables. The relationship: between duration in service at the mosques and the youth programmes implementation at the mosques, academic qualification, duration in service at the mosques and

involvement in the outside committee with the capability of the mosques in terms of physical facilities.

Based on the findings, some suggestions were forwarded in line with the aim to develop the youth through the mosques. These suggestions include extending the study nationwide on the capability of the mosques as centres of youth development; upgrading the training for mosques management staff; and to improving the mosques facilities and infrastructures to accomodate the needs of youth.



BAB 1

PENDAHULUAN

Konteks Permasalahan Kajian

Golongan belia merupakan sumber tenaga manusia yang perlu dibimbing, dididik dan dilatih agar mereka benar-benar menjadi aset negara. Mereka adalah generasi penerus kebangkitan umat Islam dan sumber kekuatan umat pada masa depan (Rugayah Tibet, 1995). Berdasarkan realiti kehidupan masyarakat belia masa kini, ternyata banyak masalah sosial yang perlu diberi perhatian serius. Keadaan tersebut boleh menjejaskan keupayaan mereka sebagai sumber tenaga manusia yang penting untuk pembangunan negara. Sebagai contoh, bilangan kes juvana dari tahun 1981 hingga 1991 semakin meningkat (Asmah Bee, 1993, Chang Heng Keng, 1993). Dari segi umur pula, belia yang paling banyak terlibat dengan kes juvana ialah di antara 15-18 tahun (Asmah Bee, 1993, Utusan Malaysia, September, 1993).

Dalam satu kajian yang dibuat pada tahun 1994 mengenai perilaku membuang masa di kalangan remaja oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama enam buah universiti tempatan, didapati sebanyak 28 peratus atau 1,640 daripada 5,860 remaja yang disoal selidik telah mengaku terbabit dalam kegiatan seks bebas, 40 peratus terbabit dengan menonton video lucu, 25 peratus mengaku meminum minu-

man minuman keras, 14 peratus menagih dadah dan 71 peratus menghisap rokok. Lebih malang lagi ialah 83 peratus daripada remaja yang suka melepak terdiri daripada remaja Melayu yang beragama Islam (Pusat Islam, 1995, Berita Harian, Jun 1994 dan KBS, 1994). Sebenarnya golongan belia mempunyai potensi yang hebat dan sumber tenaga manusia pada masa depan yang menentukan kesinambungan kebudayaan manusia masa kini (Asma Affan Nasution, 1995). Mereka diibaratkan seperti kain putih yang sedia menerima corak perubahan dalam apa juga keadaan sekalipun. Oleh yang demikian, perlu ada satu agensi atau institusi khusus yang boleh menangani masalah belia pada hari ini. Di Malaysia, terdapat banyak agensi yang boleh memainkan peranan untuk membangun dan memajukan golongan belia. Sehingga kini, masih belum terdapat agensi yang benar-benar melatih dan membimbing golongan belia menghayati kehidupan beragama secara lebih praktikal dan berkesan. Oleh yang demikian, institusi yang sesuai dan berpotensi untuk melatih, membimbing dan mendidik golongan belia ialah masjid. Institusi masjid boleh didapati di mana-mana dan amat rapat hubungannya dengan masyarakat Islam di negara ini. Insitusi masjid ternyata berkesan membangunkan masyarakat dan negara khususnya pada zaman awal Islam.

Walau bagaimanapun keupayaan masjid masa kini masih belum mencapai tahap sebenar untuk membangunkan belia dan masyarakat, tetapi kalau dilihat dari segi pembangunan fizikal, masjid berkeupayaan menjadi pusat pembangunan belia sama ada dari segi fizikal, mental dan akhlak. Oleh yang demikian, kajian ini akan menumpukan kepada keupayaan masjid sebagai pusat pembangunan belia setempat dari pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa.

Senario Peranan Masjid Di Malaysia.

Sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu (termasuk Malaysia), sudah wujud istilah yang dinamakan 'balai' sebagai tempat pertemuan Ketua Kampung dengan ahli kariah bagi mengadakan mesyuarat, membincangkan urusan masyarakat setempat, adat istiadat dan kematian. Apabila Islam sampai ke Alam Melayu fungsi kebanyakan balai ini mula berubah menjadi tempat ibadah. Oleh kerana fungsi tersebut sudah berubah, maka bentuk balai juga berubah mengikut budaya setempat. Akhirnya bangunan ini dijadikan masjid sepertimana yang terdapat pada hari ini (Che Mat Che Ali, 1980). Sekurang-kurangnya terdapat empat kategori masjid di negara ini iaitu; Masjid Kariah, Masjid Mukim, Masjid Jami' dan Masjid Negeri.

Struktur organisasi masjid pada peringkat awal di Malaysia adalah ringkas tidak seperti yang ada pada hari ini. Pegawai Masjid yang bertugas ketika itu ialah imam dan bilal yang bertugas secara sukarela untuk mengimarahkan masjid khususnya pada hari-hari keramaian. Walau bagaimanapun, kedudukan Pegawai Masjid pada hari ini sudah berubah menjadi kerja tetap, mereka telah dibayar gaji atau elaun oleh pihak kerajaan dan ada setengahnya sudah termasuk dalam kategori pegawai dan kakitangan kerajaan (Ahmad Abdullah, 1996, Md. Salleh Hassan, 1979). Kebanyakan pentadbiran organisasi masjid pada hari ini diletakkan di bawah seliaan Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Dalam hal ini, Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (JAWI) telah mengambil langkah yang positif dengan menyusun pentadbiran masjid secara sistematik. Hampir kesemua Pegawai Masjid (imam, bilal dan noja) adalah dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengikut prosedur

perlantikan kakitangan kerajaan yang lain. Setelah dilantik, mereka ini diletakkan di bawah pentadbiran JAWI untuk urusan pembayaran gaji dan elaun. Imam adalah dalam kategori kumpulan C dan mempunyai berkelulusan sekurang-kurangnya S.P.M /Empat Thanawi (Che Mat Che Ali, 1980). Walau bagaimanapun, pada masa sekarang ada di antara imam sudah dinaikkan ke taraf kumpulan A dan B mengikut kategori masjid.

Peranan masjid di Malaysia pada hari ini hanya digunakan sebagai tempat ibadat khusus seperti sembahyang berjemaah, sembahyang jumaat, sembahyang sunat 'Idil Fitri dan 'Idil Adha dan sedikit sekali menjadikannya tempat pengajian ilmu. Peranan masjid sebenar yang terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w masih belum dapat dipraktikkan sepenuhnya pada hari ini (Pusat Islam Malaysia, 1995). Jumlah masjid di negara ini melebihi 10,000 buah termasuk semua kategori iaitu peringkat negeri, daerah, mukim dan kariah. Kebanyakan masjid di Malaysia diurus dan dibina dengan mendapat peruntukan khas daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Peruntukan tersebut hanya bagi Masjid Negeri dan Daerah sahaja, manakala bagi Masjid Mukim dan Kariah kebanyakannya dibina dengan kutipan derma dan sumbangan pihak-pihak tertentu melalui pengurusan Jawatankuasa Pentadbiran Masjid.

Selain daripada aktiviti yang ada (lihat Jadual 1), masih banyak lagi aktiviti yang perlu digerakkan semula supaya memenuhi fungsi dan peranan masjid sebenar khususnya sebagai pusat pembangunan belia setempat. Di samping itu, masjid juga boleh berfungsi sebagai pusat penyebaran dakwah yang berkesan, tempat penyebaran maklumat dan telekomunikasi yang canggih dalam masyarakat Islam

tempatan dan antarabangsa, tempat pemupukan kejiranan dan pusat kebajikan masyarakat Islam, tempat anak-anak belajar agama, tempat pengumpulan golongan

Jadual 1
Aktiviti-Aktiviti Masjid Di Malaysia

Ibadat	Jenis Amalan
Biasa	Fardhu Ain (lima waktu), mengadakan sembahyang jumaat, sembahyang terawikh, sembahyang sunat dua hari raya, majlis membaca yasin dan tadarus al-Quran pada bulan Ramadhan.
Tertentu	Sembahyang gerhana matahari, sembahyang hajat dan sembahyang jenazah.
Pendidikan	Kuliah maghrib, kelas fardhu ain dan al-Quran, latihan sembahyang untuk kanak-kanak, ceramah/syarahan, latihan berzanji dan marhaban.
Ekonomi	Tabung khairat kematian, pusat pungutan zakat, kutipan derma, tabung kebajikan ahli kariah, hasil wakaf dan sewa.
Sosial	Urusan kematian, majlis berbuka puasa, tempat perjumpaan ahli kariah, program gotong-royong, ujian tilawah al-Quran, majlis perayaan hari kebesaran Islam dan rumah kakitangan masjid.

belia dengan pengajian khas untuk mereka. Juga sebagai tempat melahirkan kepimpinan Islam yang dinamik serta pengembelangan potensi ekonomi umat Islam seluruhnya (Pusat Islam, 1995).